

Mei 2026

Eastspring Investments Islamic Global Technology Fund

Invested in the technology
of tomorrow

Inovasi ada di mana-mana. Bermula daripada teknologi yang kita gunakan setiap hari hinggalah kepada penemuan yang mencorak masa hadapan. Manfaatkan peluang pada setiap detik terciptanya inovasi.



Mengapa teknologi global kini menjadi keutamaan

Teknologi global telah berkembang menjadi enjin pertumbuhan berstruktur, didorong oleh pelaburan berterusan dalam bidang kecerdasan buatan (AI), infrastruktur digital dan automasi. Teknologi kini diterapkan merentasi pelbagai sektor industri, mengubah cara perniagaan beroperasi, bersaing dan berkembang. AI kini bukan lagi sekadar eksperimen yang menjadi nadi dalam menggerakkan operasi sesebuah perusahaan, menandakan pentingnya fungsi AI meskipun penerimanya masih berada di peringkat awal.

Peluang dalam sektor teknologi global kini berkembang melangkaui sektor-sektor lain. Pertumbuhannya disokong merentasi keseluruhan kitaran ekosistem AI — daripada infrastruktur yang memperkasa AI kepada penjana pendapatan dan aplikasi dunia sebenar. Berikut adalah trend utama yang memperkasa perkembangan teknologi global hari ini serta peluang-peluang yang muncul di sepanjang rantai nilai.

Rajah 1 – Pemacu utama untuk melabur dalam teknologi global





Inovasi kini memacu pendapatan dan produktiviti

Teknologi bukan lagi sektor khusus — ia telah diterapkan dalam kehidupan seharian dan memacu pertumbuhan merentasi ekonomi global.


Daripada kecerdasan buatan dan pengkomputeran awan kepada semikonduktor yang menggerakkan peranti, kenderaan dan pusat data, inovasi sedang membentuk semula cara industri beroperasi dan bersaing (lihat Rajah 2)



Ekosistem AI: peluang di sepanjang rantaian nilai

Rantaian nilai AI merangkumi pelbagai peringkat, daripada pembuatan cip dan pusat data kepada platform perisian dan aplikasi dunia sebenar. Nilai dicipta pada setiap peringkat, dan pertumbuhan tidak bergantung kepada seorang pemenang sahaja. Oleh itu, teknologi global menawarkan pelabur akses kepada peluang pertumbuhan jangka panjang yang hebat merentasi pasaran dan industri (Rajah 3)

Rajah 2 – Teknologi kini diterapkan dalam semua industri




Penerapan AI sedang beralih daripada fasa eksperimen kepada penggunaan dunia sebenar, disokong oleh peningkatan pelaburan, pertumbuhan pendapatan dan perbelanjaan modal jangka panjang.

Sumber: Eastspring Investments. Pandangan ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Rajah 3 – Ilustrasi kitaran ekosistem AI

Melabur merentasi setiap peringkat di mana bertumpunya aktiviti perbelanjaan, pengewangan dan pertumbuhan AI



Sumber: Eastspring Investments. Ilustrasi kitaran ekosistem AI di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak mewakili komposisi portfolio atau jaminan hasil pelaburan yang tepat.




Ketinggalan dalam bidang teknologi untuk jangka masa panjang boleh menyebabkan kerugian

Kebanyakan pelabur cuba menentu masa teknologi, tetapi risiko sebenar diabaikan. Teknologi adalah enjin yang memacu produktiviti produktif, pendapatan dan pertumbuhan ekonomi.

Dalam S&P 500, sektor Teknologi Maklumat menyaksikan pendapatan meningkat pada kadar 15.9%, atau 336.3% dalam tempoh 10 tahun. Prestasi pendapatan yang mengatasi sektor teknologi sedemikian tidak mengejutkan, memandangkan margin keuntungan bersih syarikat teknologi telah berkembang kepada 29.1% hari ini, meningkat daripada 25.4% setahun yang lalu dan berbanding purata 5 tahunnya iaitu 25.3% (Rajah 4).

Oleh itu, teknologi global merupakan kaedah yang membolehkan pelabur untuk kekal melabur di masa hadapan, selain memberikan peluang untuk menjana pendapatan dalam jangka masa panjang.

Rajah 4 – S&P 500 Sector-Level Net Profit Margins: Q126 vs. 5-Year Avg



Sumber: FactSet, <https://insight.factset.com/sp-500-reporting-highest-net-profit-margin-in-more-than-15-years-1>, 27 April 2026

F.O.C.U.S pada Eastspring Investments Islamic Global Technology Fund (“Dana”)

Eastspring Investments Islamic Global Technology Fund direka untuk merebut peluang di mana sahaja inovasi berlaku — melalui portfolio pelbagai peneraju teknologi global yang patuh Syariah.



Future ready technology leaders

Melabur dalam peneraju teknologi global bereputasi yang mencorak masa hadapan, bukan idea yang belum terbukti



Opportunities across industries

Teknologi memacu pertumbuhan merentasi industri penjagaan kesihatan, komunikasi, automasi dan pengguna



Core drivers of AI and digital growth

Memberi tumpuan kepada nadi yang menjadi penggerak inovasi — semikonduktor, infrastruktur, platform dan sistem



Underpinned by fundamentals

Kejayaan disokong oleh pendapatan, aliran tunai dan perbelanjaan modal sebenar — bukan gembar-gembur



Shariah- compliant solution

Akses inovasi global sambil kekal selaras dengan prinsip Syariah



Kepakaran pelaburan, diaplikasikan dengan teliti

Dana ini disokong oleh keupayaan penyelidikan global Eastspring Investments yang lebih luas dan memanfaatkan pandangan teknologi pakar, termasuk pengalaman industri daripada **Eastspring Investments Taiwan***, terutamanya dalam semikonduktor dan perkakasan. Kepakaran ini meningkatkan pemahaman sektor dan pengurusan risiko, sementara keputusan pelaburan kekal tertumpu pada penyampaian nilai jangka panjang kepada pelabur — bukan untuk mempromosikan mana-mana pasaran atau pasukan tunggal.



Dilabur untuk jangka masa panjang

Menentu masa trend teknologi adalah sukar. Sekiranya ketinggalan, boleh membawa kesan yang berpanjangan. Dana ini menawarkan pelabur cara yang berdisiplin untuk terus melabur dalam inovasi — di mana ia telah pun mengubah landskap ekonomi global dan mencorak masa hadapan.

*“Eastspring Investments Taiwan” bermaksud Eastspring Securities Investment Trust Co. Ltd, penasihat pelaburan Dana.

Maklumat dana

Kategori dana / Jenis	Ekuiti (patuh Syariah) / Pertumbuhan	Risiko utama	• Risiko negara dan geopolitik • Risiko khusus sektor • Risiko mata wang • Risiko derivatif • Risiko ekuiti • Risiko transaksi pihak berkaitan • Risiko pengelasan semula status Syariah
Tarikh pelancaran	18 Mei 2026	Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: • mencari peningkatan modal; • mahukan pendedahan kepada ekuiti patuh Syariah syarikat teknologi; • mempunyai toleransi risiko yang tinggi; dan • mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang
Tempoh tawaran awal	Tempoh dua puluh satu (21) hari bermula dari 18 Mei 2026 hingga 7 Jun 2026	Caj jualan	Sehingga 5.50% daripada harga tawaran awal semasa tempoh tawaran awal dan selepas itu, ke atas NAB seunit
Mata wang asas	USD	Yuran tahunan pengurusan	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun
Kelas unit	Kelas RM	Yuran tahunan pemegang amanah	Sehingga 0.065% daripada NAB Dana setahun, tertakluk kepada minimum RM15,000 setahun yang dikira dan diakru setiap hari
Objektif dana	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan peningkatan modal jangka panjang	Pelaburan permulaan minima	• Jumlah sekaligus: RM1,000 • Pelaburan berkala: RM100
Strategi pelaburan	Dana ini bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah yang merupakan konstituen Indeks DJIM Global Technology Titans 50, sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah seperti Resit Depositori Islam Amerika ("ADR"), terbitan hak patuh Syariah dan waran patuh Syariah yang disenaraikan dalam Pasaran Layak, sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai dan skim pelaburan kolektif Islam ("CIS"). Dana ini akan melabur dalam syarikat patuh Syariah yang terlibat dalam inovasi dan pembangunan kemajuan saintifik dan teknologi dalam pelbagai bidang termasuk tetapi tidak terhad kepada: • Perisian, perkakasan dan perkhidmatan teknologi maklumat • Perkhidmatan komunikasi, telekomunikasi • Penjagaan kesihatan, farmaseutikal dan bioteknologi • Perlindungan alam sekitar • Produk pengguna • Multimedia, aeroangkasa, bahan kimia khusus, bahan termaju dan lain-lain.	Pelaburan tambahan minima	• Jumlah sekaligus: RM100 • Pelaburan berkala: RM100
Peruntukan aset	• Minimum 70% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") Dana kepada ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah • Maksimum 30% daripada NAB Dana kepada instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam termasuk pelaburan CIS Islam dalam instrumen tersebut	Tempoh bertenang	Tempoh enam (6) hari bekerja dari tarikh Eastspring Investments Berhad ("Pengurus") menerima borang transaksi yang telah dilengkapkan. Hak bertenang hanya diberikan kepada pelabur individu yang melabur dalam mana-mana dana unit amanah yang diuruskan oleh Pengurus buat kali pertama. Permohonan bertenang hendaklah dibuat sebelum waktu akhir jam 4.00 petang pada mana-mana Hari Bekerja*. *"Hari Perniagaan" bermaksud hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk dagangan. Pengurus juga boleh mengisytiharkan Hari Perniagaan tertentu sebagai Hari Bukan Perniagaan jika: (1) satu atau lebih pasaran asing tempat Dana dilaburkan di dalamnya ditutup untuk dagangan; dan/atau (2) satu atau lebih CIS Islam tempat Dana dilaburkan di dalamnya mengisytiharkan hari perniagaan tertentu sebagai hari bukan perniagaan; dan/atau (3) ia merupakan hari bukan perniagaan di Amerika Syarikat.
Penanda aras prestasi	Indeks DJIM Global Technology Titans 50 (dihadkan 9.5%). Penanda aras prestasi disesuaikan daripada Indeks DJIM Global Technology Titans 50 di mana pemberat setiap juzuk dihadkan pada 9.5%. Source: https://www.spglobal.com		
Dasar pengagihan pendapatan	Pengagihan pendapatan, jika ada, akan dibuat secara sampingan, selepas ditolak cukai dan perbelanjaan.		

Mengenai Eastspring Investments

Eastspring Investments, sebahagian daripada Prudential plc, merupakan pengurus aset terkemuka yang berpangkalan di Asia dan menguruskan sejumlah USD269 bilion (setakat 31 Mac 2026). Beroperasi sejak tahun 1994, kami telah membina asas yang kukuh di 10 pasaran Asia, serta pejabat pengedaran di Amerika Utara dan Eropah (Rajah 5).


Di Malaysia, Eastspring Investments merupakan salah satu syarikat pengurusan aset terbesar dalam perniagaan institusi dan runcit, menguruskan sejumlah 36 dana dengan kira-kira RM59.3 bilion aset di bawah pengurusan ("AUM") setakat 31 Mac 2026.

Rajah 5 – Lokasi pejabat Eastspring Investments

- Jepun
- Indonesia
- Malaysia
- Singapura
- Taiwan
- Thailand
- Vietnam
- Hong Kong
- China
- India

● Luxembourg

● Amerika Syarikat



● Pejabat jualan ● Pejabat jualan dan pelaburan ● Usaha sama



Anugerah

Eastspring Investments

AsianInvestor Asset Management Awards

Asset Class Award, Emerging Market Debt (Highly Commended)

18 Mac 2026

AsianInvestor Wealth Awards

Marquee Awards, Best Campaign of the Year

18 Mac 2026

Insights & Mandate (I&M) Professional Investment Awards

Best Quantitative House in Asia

18 Mac 2026

Pemberi anugerah ini tidak berkaitan dengan Eastspring Investments Berhad. Ini hanya untuk tujuan maklumat. Ia tidak bertujuan sebagai tawaran atau ajakan untuk pembelian atau penjualan mana-mana instrumen kewangan, produk pelaburan atau perkhidmatan.

Penafian

Iklan ini disediakan untuk maklumat sahaja dan tidak boleh diterbitkan, diedarkan, diterbitkan semula atau diedarkan secara keseluruhan atau sebahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Eastspring Investments Berhad. Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC").

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Eastspring Investments Islamic Global Technology Fund ("Dana") bertarikh 18 Mei 2026 dan Helaian Sorotan Produk ("PHS") Dana sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad atau pengedar sahnya dan pelabur berhak untuk meminta salinan Prospektus dan PHS. Prospektus telah didepositkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Penyerahan Prospektus kepada SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah menerima borang permohonan yang disertakan dengan Prospektus. Prestasi lepas Eastspring Investments Berhad atau mana-mana dana yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan atau kemungkinan Dana.

Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan naik. Sekiranya pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa selepas pengeluaran unit/agihan tambahan, Nilai Aset Bersih ("NAV") seunit akan dikurangkan daripada NAV pra-pecahan unit/NAV merangkap agihan kepada NAV pasca-pecahan unit/NAV bekas agihan. Sekiranya pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas pengeluaran unit tambahan.

Pelaburan dalam Dana ini terdedah kepada beberapa risiko utama seperti yang dibentangkan di bawah "Maklumat Dana" brosur ini. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko umum lain seperti yang diuraikan dalam Prospektus serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: Tingkat 5, 10 Old Bailey, London, EC4M 7NG, UK. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah sebuah syarikat induk, yang sebahagian daripada anak syarikatnya dibenarkan dan dikawal selia, jika berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya berada di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.

Brosur ini tersedia dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi bahasa, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.



A Prudential plc company 

eastspring.com/my

Eastspring Investments Berhad

Aras 22, Menara Prudential Persiaran TRX Barat
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 2778 3888

Bangkok | Chicago | Ho Chi Minh City | Hong Kong | Jakarta | Kuala Lumpur | London | Luxembourg | Mumbai | Shanghai | Singapura | Taipei | Tokyo

Diterbitkan pada 18 Mei 2026